

UPM sepatutnya cari langkah perkasakan bahasa Melayu

PENGUMUMAN Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Mohd Zohadie Bardaie, bahasa Inggeris bakal dijadikan bahasa pengantar bagi semua kursus kecuali Kesusastraan Melayu, Peradaban Islam dan Pendidikan Sivik di UPM adalah tidak wajar dan boleh menimbulkan pelbagai implikasi.

Berpuluh tahun lamanya ahli bahasa bersusah payah memperjuangkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, malah telah termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia, namun tidak disangka sama sekali ada cendekiawan Melayu cuba mendakwa keperkasaan bahasa ibundanya sendiri.

Ternyata hasratnya langsung tidak relevan meskipun tujuannya untuk membantu graduan UPM mudah mendapat kerja pada hari muka.

Saya bersetuju pendapat Pengurus Persekutuan Badan Pendidikan dan Pembangunan Melayu, Tan Sri Dr Arshad Ayub, iaitu masih ramai graduan yang fasih dan mengikuti sepenuhnya pengajian dalam bahasa Inggeris malah mereka ini lepasan beberapa universiti terkena di Amerika Syarikat, Britain

dan Australia tetapi masih tetap menganggur sehingga hari ini. Sebaliknya begitu menunjukkan berkelebihan berbahasa Inggeris bukanlah jalan mudah untuk mendapat kerja.

Adalah mudah difahami bahawa tujuan utama belajar di universiti ialah untuk menimba ilmu pengetahuan, tetapi segulung ijazah saja bukanlah pasport atau satu-satunya aset bagi menjamin seseorang pasti mendapat jawatan berkolar putih di sektor kerajaan.

Lagi pun jawatan kosong dalam kerajaan bukannya banyak jika dibandingkan beribu-ribu graduan yang lulus universiti setiap tahun.

Realitinya, mereka boleh mempergunakan ilmu yang ada itu untuk berdikari demi kehidupan seslesa pada masa hadapan.

Satu hakikat perlu diakui, kemahiran berbahasa Melayu membuktikan ramai graduan berjaya mengendali urusan di pejabat kerajaan dan swasta sehingga mencapai usia bersara wajib 55 tahun.

Segala-galanya berjalan lancar maju ke arah globalisasi. Tidak sedikitpun menunjukkan kejangan atau lulusan aliran Melayu atau graduan Melayu dari IPTA lang-

Surat Pilihan

sung tidak boleh buat kerja, termasuk membabitkan undang-undang mahkamah dan bidang guaman.

Saya hairan bagaimana seorang profesor boleh berfikiran demikian? Sepatutnya sebagai seorang yang bijaksana beliau dan UPM sepatutnya mengatur langkah selanjutnya bagi memastabatkan lagi bahasa Melayu bukan mendakwa kehebatannya.

Kebelakangan ini negara sedang dilanda gejala bahasa rojak. Namun demikian harapan untuk membetulkan bahasa Melayu akan menjadi lemah. Semakin terserlah sekarang sia-sia dan membuang masa sajalah segala perjumpaan, seminar dan forum bahasa yang dilaksanakan oleh pejuang bahasa termasuk sarjana dan ahli falsafah bahasa selain guru yang bertungkus-lumus menegakkan dan bermati-matian cuba meningkatkan martabat bahasa Melayu.

Apa gunanya ditubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka jika di penghujung jalannya menempuh kegagalan. Matlamat utama penubuhan

DBP adalah untuk mengembang dan mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan yang unggul di negara ini sebagaimana termaktub dalam Ordinan DBP 1959 dan pindaan Akta DBP 1972.

Berjuta-juta ringgit dibelanjakan semata-mata untuk menjayakan Minggu Bahasa dan Bulan Bahasa Kebangsaan di seluruh negara selama tujuh tahun (1960-1966) yang akhirnya menampakkan kejayaan penggabungan ejaan Rumi bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia pada 1970 serta Brunei Darussalam pada tahun 1986, berlandaskan terbentuknya 'Pedoman Pembentukan Istilah Umum dan Pedoman Ejaan' itu.

Jika dirasakan bahasa Melayu tidak layak untuk dijadikan bahasa ilmu di pusat pengajaran tinggi, kenapa tidak dibantah dari awal lagi? Apa akan terjadi kepada beratus-ratus ribu buku ilmiah dan buku teks yang sudah diterjemah dan kini berada di pasaran? Atau perlu dicampakkan saja ke tong sampah!

Daripada keseluruhannya, terbukti walaupun ramai graduan tidak cekap berbahasa Inggeris, ada begitu ramai graduan menerima ijazah pe-

ringkat PhD dalam bahasa Melayu pada setiap tahun.

Ternyata kedudukan bahasa Melayu tetap mantap di mata dunia; kerana telah diterima pakai di negara luar seperti Korea, China, Jepun, Belanda dan Russia.

Jika orang luar bersedia menerima, kenapa pula kita di Malaysia mahu mengetepikannya? Tentulah tidak logik.

Demi mengembalikan keagungan bahasa Melayu, sekalian orang Melayu tidak mempunyai pilihan lain kecuali terus bergerak maju di bawah moto 'Bahasa Jiwa Bangsa'.

Ayah pejuang bahasa Melayu, nampaknya kita masih perlu berjuang terus bagi memastikan segala yang sudah dibina dan ditegakkan selama ini tidak diruntuhkan satu persatu. Bangsa Jepun dan Korea tidak mengagungkan bahasa Inggeris untuk maju tetapi berikhtiar membina teknologi sambil menceduk ilmu yang perlu dari Barat.

Sekolah dan universiti mereka mengajar dalam bahasa Jepun dan Korea tetapi pengajian bahasa Inggeris juga diadakan.

AMRAN CHIK,
Kluang, Johor.